

Negeri Sembilan unjur KDNK lima peratus tahun ini

Kuala Pilah: Kerajaan Negeri Sembilan mengunjurkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri itu tahun ini sederhana dan berkembang antara empat hingga lima peratus.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pertumbuhan ekonomi yang masih perlahan itu akan dirasai oleh rakyat, terutama membabitkan peningkatan kos sara hidup.

Beliau berkata, bagi membantu meringankan beban rakyat, kerajaan negeri sudah merangka pelbagai inisiatif untuk ra-

kyat agar corak perbelanjaan dapat dilakar lebih awal bagi memastikan kelangsungan hidup.

"Ta meliputi antaranya pemerkasaan ekonomi rakyat, kebajikan, pendidikan, modal insan, pembangunan belia dan wanita serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat menerusi Pelan Tindakan Khusus Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025.

"Pelan ini disasarkan untuk menangani cabaran dalam ekonomi serta akan disokong oleh

dasar dan pelan tindakan kukuh bertunjangkan kerangka Ekonomi MADANI.

"Menerusi pelan tindakan ini juga, kita mengenal pasti fokus ekonomi makro bagi 2024 sebagai asas dan persediaan untuk kestabilan tempoh jangka panjang," katanya ketika menyampaikan ucapan taat setia sempena Hari Keputeraan Ke-76 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir di Balairong Seri Istana Besar Seri Menanti, di sini, semalam.

Aminuddin berkata, beberapa langkah akan diambil tahun ini antaranya mengembalikan momentum peralihan struktur ekonomi melalui pembangunan industri berimpak tinggi termasuk aeroangkasa, maritim dan industri halal.

Beliau berkata, selain itu usaha merapatkan jurang pembangunan antara daerah akan turut diberikan tumpuan dengan mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu dan pembangunan merentas daerah yang seimbang.

"Usaha juga akan dilakukan dalam mempelbagaikan sumber pendapatan negeri menerusi peningkatan hasil bukan cukai, selain menjadikan Negeri Sembilan pilihan pelabur dari dalam dan luar negara.

"Kita (kerajaan negeri) komited untuk meneruskan libat urus bersama pelabur yang berpotensi baik dan hasilnya kini MIDA melaporkan sehingga suku ketiga tahun 2023 sebanyak RM3.14 bilion pelaburan dicatatkan di Negeri Sembilan," katanya.